



كمنتريين حال احوال دالم نكري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS TADARUS AL-QURAN BULAN RAMADAN ROMBONGAN KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA
BERSERTA MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG TAHUN BAGI
TAHUN 1444H/2023M DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

1. Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1444H/2023M di Daerah Brunei Muara telah diadakan pada hari Khamis, 15 haribulan Ramadan 1444H bersamaan dengan 06 haribulan April 2023 bertempat di Masjid Kampung Lumapas.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
3. Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya serta Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Brunei Muara berserta penduduk kampung sekitarnya.
4. Majlis dimulai dengan majlis bacaan Tadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil serta Doa Selamat. Majlis seterusnya adalah penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan wakaf telah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum mengakhiri majlis rombongan mengadakan sembahyang Fardu Asar berjemaah.
5. Majlis ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di dalamnya berserta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim/Kampung dan pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan

